

03 JUN 1999

MAHATHIR-BON

MALAYSIA TIMBANG TERBIT BON EURO DAN YEN

Oleh: Khairdzir Yunus

TOKYO, 3 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia mungkin akan menerbitkan bon euro dan yen dengan menggunakan kemudahan jaminan tidak menyeluruh yang disediakan oleh Jepun di bawah Pelan Miyazawa.

Perdana Menteri berkata Malaysia tentunya berminat dengan bantuan yang ditawarkan oleh Jepun untuk memberi jaminan tidak menyeluruh terhadap bon-bon yang diterbitkan oleh negara-negara Asia.

"Kami akan mengkaji tawaran itu dan mungkin menggunakan kemudahan berkenaan," katanya dalam sesi soal jawab selepas melancarkan versi Jepun buku baru beliau "A New Deal For Asia" di sini.

Beliau berkata keadaan pasaran sekarang adalah sesuai untuk Malaysia menerbitkan bon, terutamanya yang didenominasikan dalam yen.

Perdana Menteri berkata Malaysia juga mungkin akan meminta bantuan Jepun di bawah Inisiatif Miyazawa bagi projek-projek yang sedang dilaksanakan di Malaysia.

Di bawah Pelan Miyazawa Plan, Jepun menyediakan dana AS\$30 bilion untuk membantu pemulihan ekonomi negara-negara Asia.

Mengenai cadangan penubuhan versi Asia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Dr Mahathir berkata Malaysia menyokong ide berkenaan apabila ia diumumkan buat pertama kalinya.

"Malangnya, ia tidak dimulakan apabila ia diumumkan, pada masa itu ia amat-amat diperlukan oleh negara-negara Asia Tenggara dan Asia Timur di mana ia boleh menjadikan hutang negara-negara itu tidak begitu teruk jika ia wujud pada masa itu," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Tabung Kewangan Asia akan masih berguna untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi banyak negara-negara Asia.

Mengenai Sidang Kemuncak Kumpulan Tujuh (G7) di Cologne, Jerman pada 18 Jun, Dr Mahathir berkata beliau berharap pemimpin-pemimpin G7 akan memberi tumpuan kepada penyusunan semula sistem kewangan antarabangsa.

G7 adalah kumpulan negara-negara perindustrian termasuk Amerika Syarikat.

"Saya percaya ia adalah forum bagi membuat keputusan mengenai perkara ini kerana G7 terdiri dari kuasa-kuasa besar dunia sebagai anggotanya. Saya harap ia akan membuat keputusan tegas mengenai susun atur apa yang dipanggil sistem kewangan antarabangsa yang akan menstabilkan dan menentukan kesejahteraan dunia," katanya.

Versi Jepun buku baru Perdana Menteri bertajuk "Jepun Pulih Asia Membangun".

Turut hadir di pelancaran itu adalah Pengerusi Tachibana Publishing Inc. Shigero Tsugamura, penerbit buku berkenaan, dan Duta Malaysia ke Jepun Tan Sri Haji Muhammad Khatib.

Buku itu, pada asalnya diterbitkan dalam bahasa Inggeris oleh Pelanduk Publications, sekali lagi menonjolkan buah fikiran Dr Mahathir mengenai bagaimana dunia akan terbentuk dan bagaimana halangan etnik dan nasional akan runtuh.

Dalam buku ini, Dr Mahathir berkata abad akan datang akan menjadi Abad Dunia dan dunia akan terus mengecil dengan kemudahan perjalanan dan komunikasi.

Lewat hari ini, Dr Mahathir akan mengunjungi rakan sejawatnya dari Jepun Keizo Obuchi di kediaman beliau selepas Perdana Menteri Malaysia itu memberikan ucapan di persidangan antarabangsa "Masa Depan Asia" di sebuah

hotel di sini.
--BERNAMA
KHY JR